

Kementerian hal ehwal wanita dipertimbang

Oleh Kadir Dikoh

BH 29 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Isnin – Kerajaan sedia menimbang cadangan supaya diwujudkan kementerian khas bagi menjaga hal ehwal wanita, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Perkara ini (penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita) akan diberi pertimbangan sewajarnya,” katanya disambut tepukan gemuruh kira-kira 15,000 wakil pelbagai pertubuhan wanita dari seluruh negara ketika berucap di kemuncak perayaan Hari Wanita 2000 di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di sini, malam ini.

Pada majlis itu, kontinjen wanita Perak diumumkan sebagai kontinjen terbaik dan memenangi sebuah kereta Proton Wira sumbangan Edaran Otomobil Nasional (EON) manakala tempat kedua dimenangi kontinjen Sabah yang membawa pulang sebuah Proton Iswara.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Seri Rafidah Aziz dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Jaili yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengelola.

Perdana Menteri berkata, pelbagai tuntutan, termasuk cadangan mewujudkan kementerian khas oleh pelbagai pihak mewakili pertubuhan wanita adalah munasabah, sederhana dan tidak keterlaluan serta di-

Dr Mahathir memberi jaminan kerajaan akan memberi pertimbangan dan mempertahankan hak wanita daripada dicabuli oleh mana-mana pihak.

buat penuh sopan santun.

Dengan itu juga katanya, kerajaan turut mempertimbangkan untuk memberi peruntukan yang iebih besar untuk kegiatan wanita dalam Belanjawan Negara 2001 apabila dibentangkan Oktober ini.

Dr Mahathir memberi jaminan kerajaan akan memberi pertimbangan dan mempertahankan hak wanita daripada dicabuli oleh mana-mana pihak.

“Tuntutan wanita ini adalah sederhana dan dibuat dengan penuh sopan santun, bukan secara keganasan. Inilah nilai budaya kita, kita tak perlu malu dan tiru orang lain (rakyat asing) dalam membuat tuntutan.

“Tuntutan ini akan membawa kebaikan kepada kita semua. Sebab itu, kerajaan hargai sumbangan wanita dalam pelbagai bidang. Kita juga menghargai sumbangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ke arah memperbaiki taraf hidup wanita,” katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, ada segelintir NGO yang cuba menarik perhatian kerajaan kepada perkara tertentu yang menurut mereka tidak adil bagi kumpulan tertentu.

“Kerajaan tidak boleh melayan semua tuntutan itu kerana ia juga harus mengambil kira sensitiviti tertentu,” katanya.

Dr Mahathir meiahirkan rasa gembira dengan sambutan terhadap perayaan itu sebagai acara kemuncak Hari Wanita yang bertemakan ‘Nur Bermula Dengan Mu’.

“Saya percaya perhimpunan ini menunjukkan harapan wanita terhadap negara dan kesanggupan mereka untuk memajukan negara tercinta. Kita tak dapat menyetepikan sumbangan wanita dengan jumlahnya separuh (11.5 juta) daripada penduduk negara ini (23 juta).

“Ini bermakna, separuh atau 11.5 juta daripada tenaga kita akan hilang jika kita ketepikan wanita dalam pembangunan negara. Peranan wanita dalam pembangunan negara, tidak kurang daripada peranan yang dimainkan lelaki,” katanya.

Kini, katanya, sudah tidak menghairankan apabila ramai wanita turut menguasai bidang yang sebelum ini dipelopori lelaki seperti menjadi jurutera dan pemandu pesawat pejuang. — *